

PENEROKAAN KONSEP AL-TAWRIQ DALAM PENCAIRAN ASET WAKAF

Exploration of the Concept of al-Tawriq in Waqf Asset Liquidity

Fuadah Johariⁱ Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismailⁱⁱ Muhammad Aunurrochim Mas'adⁱⁱⁱ
 Hanim Misbah^{iv} Ahmad Syukran Baharuddin^v Nurul Asikin Abdul Razak^{vi}

ⁱ (*Corresponding author*). Associate Professor, Fakulty of Economics and Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. fuadah@usim.edu.my

ⁱⁱ Associate Professor, Faculty of Syariah and Law Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. wanfattah@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Senior Lecturer, Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. aunn25@usim.edu.my

^{iv} Senior Lecturer, Faculty of Economics and Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. hanim@usim.edu.my

^{vi} Lecturer and Researcher, Faculty of Syariah and Law Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. ahmadsyukran@usim.edu.my

^v Faculty of Economics and Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. nurulasikinrazak@gmail.com

Article Progress

Received: 20 Oktober 2018

Revised: 10 November 2018

Accepted: 18 December 2019

Abstrak	Abstract
<p><i>Al-Tawriq iaitu mencairkan dan menjual aset wakaf adalah antara solusi terkini yang diilhamkan oleh Mohd Daud Bakar (Tokoh Syariah Global) bagi menangani masalah aset wakaf yang tidak produktif, terbiar, tiada nilai komersial dan kekurangan sumber dana, bertujuan untuk membayai kos penyelenggaraan ataupun pembangunan. al-Tawriq dibenarkan berdasarkan ijtihad semasa melalui keputusan Qadi ataupun panel penasihat syariah walaupun pada asalnya aset wakaf perlu dikekalkan sebagai prinsip asas wakaf berdasarkan hadith Rasulullah SAW. Oleh itu tujuan utama kajian ini adalah sejauhmana keharusan syarak dalam membenarkan aset-aset wakaf boleh dicairkan dengan menjual harta-harta tersebut. Dengan</i></p>	<p><i>Al-Tawriq, which liquidity and sells waqf assets, is mooted by Mohd Daud Bakar (Global Syariah Figure) to address unproductive, idle, no commercial value and lack of funds for waqf assets, aimed at financing maintenance or development costs. Despite waqf assets need to be maintained as a fundamental principle of waqf, based on the hadith of the Prophet Muhammad, al-Tawriq is permissible according to ijtihad by Qadi's or syariah advisory panel. Therefore, the main purpose of this study is to explore to what extent, Islamic law allows the waqf assets to be liquidated by selling those properties. Using the qualitative method based on the analysis of the textual content of the classic Fiqh reference books, this study will explore the fundamental principles</i></p>

<p>menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan analisis kandungan teks buku-buku rujukan Fiqh klasik, kajian ini akan meneroka prinsip-prinsip asas yang membenarkan kaedah al-Tawriq ini dilaksanakan berasaskan perbandingan mazhab. Akhir kajian mendapati, terdapat beberapa prinsip-prinsip asas yang membenarkan al-Tawriq ini dilaksanakan antaranya aset wakaf tidak lagi berfungsi seperti tujuan asal diwakafkan. Kajian ini mengusulkan al-Tawriq digunakan sebagai salah satu solusi kepada pembangunan aset-aset wakaf di Malaysia bertujuan untuk meningkatkan kualiti aset wakaf dengan mewujudkan kecairan tunai sebagai sumber dana baharu kepada perbelanjaan penyelenggaraan ataupun pembangunan. Ianya penting bagi memastikan aset wakaf menjadi lebih produktif, dapat dimanfaatkan oleh penerima manfaat, dan jariah pahalanya boleh berjalan, berterusan dan memberi impak yang positif kepada pembangunan dan ekonomi umat Islam dan manusia sejagat.</p> <p>Kata Kunci : Kecairan aset wakaf, perbandingan mazhab, kekurangan sumber dana wakaf, kewangan social Islam, al-Tawriq</p>	<p>that allow this al-Tawriq method to be implemented. The study found that there are some basic principles that support al-Tawriq to be applied. The study proposes al-Tawriq to be used as one of the solutions to the development of waqf assets in Malaysia, aimed at enhancing the quality of waqf assets by establishing cash liquidity as a new source of funding for maintenance or development expenditure. It is important to ensure that waqf assets become more productive, beneficial for beneficiaries in their hereafter and have a positive impact on the development and economy of Muslims and humanity.</p> <p>Keywords: waqf asset liquidity, Madhazib and Fiqh Discussion, lack of waqf funds, Islamic social finance, al-Tawriq</p>
--	--

PENGENALAN

Al-Tawriq diilhamkan oleh tokoh Minda Syariah Global dan penyandang Kursi Akademik Yayasan Tun Islam (YTI)- USIM iaitu Y.Bhg. Datuk Dr Mohd Daud Bakar semasa sesi Bengkel penyelidikan dan penerbitan YTI's pada 27 April 2016 berlangsung di Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM. Setelah itu, topik ini menjadi perbincangan dan kajian penyelidikan. Kajian mengenai keharusan syarak dalam mencairkan aset-aset wakaf dengan menfokuskan kepada menjualkannya untuk tujuan penyelenggaraan dan pembangunan juga telah diutarakan. Kajian ini adalah sebagai satu langkah solusi kepada permasalahan kurangnya sumber kewangan yang membawa kepada tanah-tanah wakaf tidak dapat dibangunkan dan terbiar tanpa memberikan pulangan yang lumayan untuk manfaat yang maksimum kepada masyarakat Islam secara umum. Sesetengah projek wakaf juga tidak dapat diteruskan kerana masalah kekurangan modal.

Terdapat dua contoh utama yang membabitkan masalah kecairan tunai, aset wakaf terkini. Pertama aset wakaf yang tidak produktif, kekurangan modal dan nilai komersial yang rendah menyebabkan wakaf menghasilkan keuntungan yang rendah.

Contohnya, kes Mukim Panchang Bedena, Sabak Bernam, Selangor, 25 ekar tanah wakaf terbiar tidak diusahakan dan tidak ditanam dengan tanaman kerana kekurangan modal. Ahli Jawatankuasa Surau daerah itu sepatutnya menggunakan tanah tersebut untuk penanaman kelapa sawit dengan kos RM 26,000.00. Bagaimanapun, disebabkan kekurangan dana, projek yang dicadangkan itu perlu ditangguhkan. Contoh yang lain, iaitu projek bernilai RM 1.5 juta yang membabitkan pembinaan rumah-rumah yang disewa juga telah ditangguh kerana kekurangan modal. Projek ini berada di bawah bidang kuasa pentadbiran masjid di kawasan Meru dan dianggap paling berpotensi untuk memberi manfaat kepada masyarakat (Razali Othman, 2015).

Penyelesaian kepada kes-kes tersebut tidak hanya terhad kepada kaedah kecairan sahaja, boleh dilaksanakan juga menggunakan kaedah seperti pinjaman serta pembiayaan yang lain. Namun, persoalan utama yang hendak diketengahkan pada kajian ini adalah untuk melihat sejaumana keharusan syarak dalam membenarkan aset-aset wakaf boleh dicairkan dengan menjual sebahagian aset wakaf tersebut untuk dijadikan sebagai modal dan sumber kewangan utama dalam usaha penyelenggaraan atau pembangunan harta-harta wakaf di Malaysia.

1. TERMINOLOGI DAN DEFINISI AL-TAWRIQ

2.1 *Al-Tawriq* berasal dari kata *Waraqa*, *Awraq al-Mal* dan *al-Wariq*.

Perkataan *al-Tawriq* dalam penggunaan bahasa Arab tidak ditemui dalam kamus Lisan al-Arab yang ditulis oleh Ibnu Manzur (1983), ini bermaksud penggunaan perkataan ini bukanlah suatu yang biasa digunakan dalam bahasa komunikasi orang Arab. Perkara ini diperkuuhkan lagi dengan merujuk kepada kamus moden Bahasa Arab – English oleh Hans Wehr (1976). Walaubagaimanapun, dengan menggunakan kata kunci *waraqa* atau *waraqa naqdi*, kamus-kamus ini telah menterjemahkan sebagai duit kertas ataupun tunai. Dengan kata kunci *Awraq al-Mal* beberapa interpretasi telah diterjemahkan oleh kamus, iaitu sebagai sekuriti, bond, duit kertas dan nota bank yang boleh kita fahami sebagai kaedah kecairan tunai.

Muhammad Abdul Halim (2007) ada menyatakan *Al-Tawriq* adalah petikan kata kunci dari *al-waraqa* yang disebut sebagai 'kertas' yang ditulis di atasnya. Ila 'Aziz al-Jaburi pula menyatakan ianya sebagai wang dari perak, Yusfat Ali & Yuzian Rahman (2009) pula menyatakan bahawa *Al-Tawriq* diambil dari kata akar *al-Awraq*. Kemudian Abdul Karim Aiyuni (2011) juga menyebutkan bahawa Waqf al-Awraq al-Maliyah dalam tulisannya, dan menekankan bahawa Al-Awraq al-Mal telah diiktiraf sebagai salah satu alat tunai yang boleh digunakan dalam wakaf.

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa dari segi literal, tiada perkataan *Tawriq* dalam kamus Arab sehingga tahun 90-an tetapi mendapat ianya boleh didapati dengan kata akar *al-Awraq al-Mal*. Perkataan *al-Tawriq* hanya muncul sekitar tahun 2000 dan ke atas dan secara spesifiknya *al-Tawriq* telah disebutkan dalam kamus bahasa Arab sebagai wang ataupun tunai pada tahun 2007 seiring dengan kepesatan bidang Kewangan Islam mutakhir. Manakala wang tunai juga adalah salah satu instrumen yang boleh menyumbang wakaf (Fuadah et al, 2017: 2017a).

2.2 Makna Literal *Al-Tawriq* sebagai sekuriti

Al-Tawriq juga dinyatakan sebagai sekuriti. Beberapa kamus Arab moden yang khusus dalam bidang Ekonomi dan Kewangan telah menyebut perkataan al-Tawriq. Sebagai contoh, Mu'jam al-Mustalahat al-Iqtisadi wa al-Mal wa Idarah al-Mal (2009), menyatakan al-Tawriq dengan perkataan Waraqah Maliyah bermaksud sekuriti. Ensiklopedia Pelaburan dan Kewangan (2016), menyatakan bahawa Tawriq digambarkan dalam perkataan Arab untuk pensekuritian. Mu'jam al-Ma'ani al-Jami '(2016) pula mendefinisikan Tawriq adalah perkataan Arab secara harfiah bermaksud "mengeluarkan kertas" dan perkataan masdar warraqa bermaksud kertas.

Sementara itu, terdapat beberapa kajian penyelidikan mengenai al-Tawriq. Khairuddin (2012) menyatakan bahawa, al-Tawriq bermaksud pensekuritian. Iaitu melakukan hutang tertangguh melibatkan liabiliti bertempoh antara kredit dan sijil pensekuritian (juga dikenali sebagai Sukuk) dan boleh dipindahmilik dalam pasaran sekunder. Muhammad Ahmad (2009) dan Majallah Majma 'al-Fiqh al-Islamiy al-Dawli (2009) menyatakan bahawa, al-Tawriq bermaksud pensekuritian. al-Tawriq (sekuritisasi) adalah instrumen kewangan yang inovatif yang menunjukkan institusi kewangan menggerakkan sekumpulan hutang homogen dan terjamin sebagai aset dan meletakkannya dalam satu penyatuan hutang tunggal dan kemudian menawarkannya kepada orang ramai melalui kemudahan khusus untuk melanggan bentuk sekuriti untuk kecairan dalam bentuk wang tunai melalui bank. Istilah al-Tawriq juga telah dibincangkan oleh para ulama pada awal tahun 2000 dan telah disahkan oleh Akademi Fiqh OIC pada tahun 2009.

2.3 Definisi Istilah dan Aplikasi al-Tawriq dalam aset wakaf

Mohd Daud Bakar (2017) menjelaskan bahawa, al-Tawriq adalah asal kata al-Wariq iaitu menukar aset kepada kecairan tunai. Kecairan tunai ini bermaksud menjual sebarang aset iaitu ditukarkan kepada wang tunai atau bersamaan tunai dengan tempoh segera dan kos efektif. Dalam kes aset wakaf, Tawriq adalah menjual sebahagian harta wakaf untuk menampung kos pengurusan, penyelenggaraan ataupun pembangunan. Mencairkan harta wakaf bukan kesemuanya mungkin 1/3 atau 1/10 untuk membayar gaji Imam, Muazin, keselamatan, pengurusan sampah sarap dan sebagainya.

Al-Tawriq juga bermaksud kecairan tunai dalam bentuk (sekuriti) iaitu instrumen yang menggerakkan pelbagai aset hutang terjamin, dengan menukarannya dari hutang kepada kredit yang dibangunkan, dan kemudian ditawarkan kepada orang awam melalui cara khas untuk langgaran dalam bentuk sekuriti yang sesuai untuk meminimumkan risiko dan untuk memastikan aliran tunai mudah tunai yang berterusan (Ajil Jasim al-Nasyami, (2009). Selain itu, al-Tawriq adalah (sekuriti) dalam penukaran pinjaman ke dalam pasaran sekuriti yang boleh dipasarkan dan pindahan hutang dari penghutang primer kepada penghutang yang lain (Muhammad Ahmad Ghanim, 2009). Oleh itu, al-Tawriq boleh dimaksudkan dalam dua keadaan. Pertama adalah mencairkan aset untuk mendapatkan tunai. Kedua adalah mencairkan aset tidak alih (properti sebenar) iaitu aset melalui penciptaan hutang / intrumen kewangan (sijil) baru dalam erti memindahkan aset kewangan dari pemberi pinjaman asal kepada yang lain, yang sebahagian besarnya melalui institusi kewangan dan bursa saham.

3. SOROTAN LITERATUR

Wakaf pada asalnya tidak boleh dijual, diwarisi, dihibahkan dan terputus hak pemilikan pemberi wakaf kepada hartanya. Namun, dalam beberapa hal tertentu terdapat prinsip keharusan yang dibenarkan untuk mencairkan atau menjual asset-asset wakaf tersebut. Ini kerana, di mana ia perlu bagi tujuan Wakaf, qadi boleh membenarkan penjualan, atau mengubah peraturan pengurusan Waqf, walaupun ia telah dilarang secara nyata dalam hukum asal. Qadi boleh; 1) membenarkan hutang kontrak untuk membaiki harta itu, atau untuk membayar cukai apabila tiada pendapatan atau cara membayarnya daripada Wakaf. 2) menggadai tanah yang didedikasikan hasilnya dengan cara aman untuk hutang yang dikontrakkan 3) menjual sebahagian tanah khusus untuk tujuan yang disebutkan di atas (Mohd Zain Othman, 1982: Fuadah et al, 2017).

Manakala kajian mengenai al-Tawriq banyak dilakukan sebelum ini berkisar mengenai konsep, terminology dan kriteria al-Tawriq itu sendiri. Ajil Jasim al-Nasyami (2009) dalam kajiannya bertajuk Terma dan syarat al-Tawriq dan al-Taskik, menekankan kepentingan pensekuritian serta kriteria dalam perbandingan dan perbezaan keduanya sebagai satu inovasi baharu dalam bidang kewangan Islam. Kajian ini disokong oleh Muhammad Ahmad (2009) dan akhirnya produk sukuk telah menjadi satu resolusi baharu dalam Fiqh.

Walaupun kajian-kajian mengenai al-Tawriq dan mencairkan aset wakaf telah dibuat serta menjelaskan keharusannya, namun perbahasan mengenai keharusannya berasaskan pendapat Imam Muktabar perlu dianalisis secara mendalam yang boleh dikaitkan dengan isu dan data semasa sebagai satu solusi dan pilihan alternatif pembangunan wakaf di Malaysia.

4. DALIL AL-QURAN DAN HADITH MENGENAI AL-TAWRIQ DAN KEHARUSAN MENJUAL ASET WAKAF

Istilah Tawriq adalah inspirasi dari dalam al-Quran dalam ayat Surah al-Kahf 19:

قَالُوا رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَيْشُمْ فَابْعُثُوا أَحَدَكُمْ بِوْرِقَكُمْ هُنْدِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلِيُنَظِّرْ أَيُّهَا أَنْجَى طَعَامًا فَإِذَا تَكُمْ بِرِزْقٍ مُّنْهَى

"Allah (alone) knows best how long ye have stayed here. Now send ye then one of you with this money of yours to the town: let him find out which is the best food (to be had) and bring some to you..."

Perkataan 'wariq' menurut Yusuf Ali secara umumnya bermaksud tunai, manakala dalam terjemahan Shah Antarabangsa dan Shakir dan majoriti ulama tafsir, ia bermaksud perak; sama ada mata wang rasmi (syiling atau hanya perak yang boleh diterima untuk diperdagangkan dan ditukar di pasaran). Oleh itu, secara tersirat menyatakan bahawa perkataan "wariq" bererti memberikan sesuatu secara tunai (Khairun Najmi Saripudin, 2013).

Hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar tentang tanah Khaibar lebih tegas tentang galakan terhadap ibadah wakaf. Hadis tersebut adalah seperti berikut:

"..... عن ابن عمر قال أصحاب عمر أرضًا بخير فأتى النبي صلى الله عليه وسلم يستأمره فيها فقال يا رسول الله أين أصبت أرضاً بخير لم أصب مالاً قط هو أنفس عندي منه فما تأمرني به قال إن شئت جبست أصلها وتصدق بما قال فتصدق بما عمر أنه لا يباع ولا يوهب قال فتصدق عمر في القراء وفي الرقاب وفي سبيل الله وابن السبيل والضيوف لا جناح على من ولديها أن يأكل منها بالمعروف أو يطعم صديقاً غير متمول فيه".

Maksudnya:

"...dari Ibnu Umar ra berkata, bahawa sahabat Umar ra memperoleh sebidang tanah di Khaibar, kemudian menghadap kepada Rasulullah untuk memohon petunjuk. Umar berkata: ya Rasulullah, saya mendapatkan sebidang tanah di Khaibar, saya belum pernah mendapat harta sebaik itu, maka apakah yang engkau perintahkan kepadaku? Rasulullah menjawab: bila kamu suka, kamu tahan (pokoknya) tanah itu, dan kamu sedekahkan (hasilnya). Kemudian Umar ra melakukan sadaqah, tidak dijual, tidak dihibahkan dan tidak pula diwariskan. Ibnu Umar ra berkata: Umar menyedekahkannya kepada orang fakir, kaum kerabat, budak belian, sabilillah, ibn sabil dan tamu. Dan tidak dilarang bagi orang yang menguasai tanah wakaf itu (mengurus) untuk makan dari hasilnya dengan cara baik (sepantasnya) atau makan dengan tidak bermaksud memupuk harta".

(Sahih al- Bukhari & Muslim)

Berdasarkan hadith di atas, beberapa prinsip asas wakaf telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW, antaranya tahan (pokoknya) dan sedekahkan hasilnya, tidak dijual, tidak dihibahkan dan tidak pula diwarisi. Hadith ini disokong dengan hadith Riwayat al-Baihaqi seperti berikut;

حبس الأصل وسبل التمرة

Maksudnya : "wakafkanlah tanah itu dan berilah hasil buahnya sebagai sedekah"
(Riwayat al-Baihaqi)

Isu yang ditimbulkan dalam kajian ini, adakah boleh menjual aset-aset wakaf?. Bukankah ianya bertentangan dengan kehendak hadith mengenai wakaf?. Dalam masa yang sama, sekiranya aset wakaf tidak lagi produktif atau menghadapi masalah untuk memberi hasil atau manfaat kepada masyarakat awam apakah solusi yang ada untuk menyelesaikan masalah mengenai aset wakaf?. Oleh itu, Perbincangan lanjut mengenai keharusan menjual aset wakaf ini akan dibincangkan pada topik seterusnya berdasarkan jadual 1 dan 2. Ini kerana para Imam Mazhab berbeza pandangan dalam hal mengekalkan aset wakaf dan keharusan untuk mencairkannya.

Walaubagaimanapun terdapat beberapa hadith yang memberi kebenaran mencairkan aset wakaf, terutamanya bagi aset wakaf masjid yang tidak lagi berfungsi sebagai tempat solat kerana para jamaah telah berpindah. Hadith tersebut adalah riwayat Abu Daud seperti berikut;

إذا كان في المسجد خشبتان ، لها قيمة ، جاز بيعهما وصرف ثمنهما عليه

Maksudnya : Jika di dalam masjid itu terdapat dua batang kayu yang memiliki nilai jual, maka keduanya boleh dijual dan hasilnya diberikan kepada masjid tersebut.'

(Riwayat Abu Daud)

Hadith ini disokong dengan alasan bahawa masjid tersebut telah tidak berfungsi sebagai tempat solat dan perlunya ada saksi kepada keperluan untuk menjual aset wakaf masjid

tersebut. Ini disebut dan diceritakan di dalam kitab al-Mughni oleh Ibnu Qudamah (1997) seperti berikut ;

قال القاض : يعني إذا كان ذلك يمنع من الصلاة فيه ونص على جواز بيع عرصته
في رواية عبدالله : وتكون الشهادة في ذلك على الإمام

Maksudnya ; “Berkata al-Qadi : Maksudnya jika terhalang masjid itu daripada solat dan ditetapkan bahwa ia dibenarkan untuk dijual”.
“Pada riwayat Abdullah : mestilah ada Saksi kepada Imam”

Wakaf adalah aktiviti yang sangat digalakkan, dan banyak nas-nas yang mengalakkan berwakaf kerana fadilatnya yang berganda-ganda dan jariah yang sentiasa mengalir walaupun sesudah mati seperti dalam surah Al-imran ayat ke 92 dan surah Al-baqarah ayat ke 261. Dikatakan juga aktiviti wakaf ini tidak pernah ditinggalkan oleh para sahabat sebagaimana yang diceritakan oleh Sahabat iaitu Jabir dengan berkata ;

لم يكن احد من اصحاب النبي (ص) ذو مقدرة الا وقف

Maksudnya : Tiada seorang pun daripada sahabat Nabi (SAW) yang mempunyai kemampuan kecuali mereka berwakaf (Ibnu Qudamah, 1997).

Di dalam kitab Ahkam al-Awqaf, Diceritakan juga, Jabir telah menyatakan bahawa tiada seorangpun dari kalangan para Muhibbin dan Ansar melainkan mereka telah mewakafkan sesuatu iaitu bagi sedekah yang kekal yang tidak boleh dijual beli selamanya, dan tidak boleh dijadikan hibah, dan tidak boleh diwarisi oleh sesiapapun (al-Khassaf, tt). Sekiranya aset-aset wakaf terhenti manfaatnya atas sebab-sebab kecairan dan masalah yang lain, sumbangan wakaf ini akan terhenti dan tidak dapat memenuhi hajat pewakaf yang mahukan pahala berpanjangan dan berterusan.

5. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan analisis kandungan khususnya terhadap teks buku-buku rujukan Fiqh Klasik khusus membincangkan isu-isu mengenai keharusan menjual aset wakaf. Pengumpulan data melibatkan data sekunder diperolehi daripada perpustakaan untuk mendapatkan data dokumentasi daripada buku-buku fiqh klasik dan artikel jurnal. Perbincangan analisis teks melibatkan perbahasan lima Imam Muktabar iaitu Imam Hambali, Syafie, Maliki, Hanafi dan Imamiyah. Analisis akan melibatkan beberapa fasa. Fasa pertama, membincangkan keharusan penjualan aset wakaf. Fasa kedua, menganalisis hujah dan alasan yang menyokong pendapat masing-masing, illah keharusan dan impak kepada kelestarian aset wakaf yang akhirnya membentuk prinsip-prinsip asas keharusan penjualan aset wakaf yang boleh diguna pakai sebagai solusi permasalah yang timbul dalam membangunkan aset wakaf di Malaysia.

6. PANDANGAN PELBAGAI MAZHAB MENGENAI KEHARUSAN MENJUAL ASET WAKAF

Wakaf adalah ilmu ijithadi dan ilmu kemanusiaan yang tinggi (Mohd Daud Bakar, 2017a). Tiada nas khusus secara qat'i mengenai keharusan menjual aset wakaf di dalam al-Quran. Ianya diperbincangkan dan diputuskan diperengkat Imam-Imam Mazhab yang muktabar.

Perbincangannya berkisar kepada respon terhadap permasalahan yang berlaku dari semasa ke semasa dan hadith-hadith yang dinukilkkan adalah sebagai sandaran respon kepada permasalahan yang sedang berlaku pada ketika itu. Dalam pada itu, isu menjual aset wakaf masjid, mempunyai hukum tersendiri yang berbeza dari hukum bagi barang wakaf yang lain. Kecuali Imam Hambali, kesemua Imam sepakat tentang tidak boleh menjual masjid dalam bentuk apapun. Bagi aset wakaf bukan masjid, para Imam Mazhab yang muktabar ada berbeza pandangan dan alasan yang menyokong hujah masing-masing (al-Mughniyah, 2004). Berikut adalah pandangan Imam-Imam muktabar mengenai keharusan menjual aset wakaf (bukan masjid).

Jadual 1 : Pendapat keharusan Mengenai Keharusan Menjual Aset Wakaf Menurut Pendapat Mazhab

No.	Mazhab / Imam	Pendapat keharusan menjual
1.	Imam Hambali	Boleh jual
2.	Imam Syafie	Tidak boleh jual
3.	Imam Maliki	Boleh jual
4.	Imam Hanafi	Boleh jual berasaskan hukum Istihsan
5.	Imamiyah	Boleh jual untuk wakaf khusus sahaja dan bukan wakaf umum

Sumber : al-Mughniyah.(2004), Ibnu Qudamah (1997) Muhammad Abu Zahrah (1971)

Berdasarkan jadual 1, kesemua Imam (kecuali Imam Syafie) berpendapat boleh menjual aset wakaf bagi harta bukan masjid, manakala Imam Hambali berpendapat boleh jual aset wakaf termasuklah aset masjid sebagai harta wakaf. Perbezaan pendapat Imam-Iman ini disokong dengan alasan dan hujah masing-masing. Imam Syafie tidak bersetuju aset wakaf dijual, tetapi bersetuju menukar fungsi kegunaan aset wakaf dalam bentuk kegunaan yang lain sekiranya fungsi asalnya sudah tidak boleh dimanfaatkan. Beliau berpegang kepada aset wakaf harus dikenalkan dan tidak boleh dijual berasaskan hadith Nabi Muhammad SAW (al-Mughniyah, 2004; Ibnu Qudamah, 1997). Manakala Imam Hanafi berpendapat, pada asalnya aset wakaf tidak boleh dijual sebagaimana hadith yang diterangkan oleh Rasulullah SAW, walaubagaimanapun ianya boleh dijual berasaskan hukum Istihsan (Muhammad Abu Zahrah, 1971). Hujah dan alasan keharusannya akan diterangkan di helaian berikutnya.

7. PRINSIP-PRINSIP KEHARUSAN AL-TAWRIQ DALAM MENJUAL ASET TANAH WAKAF

Penerokaan prinsip-prinsip asas keharusan al-Tawriq dalam kajian ini akan melihat alasan dan hujah yang dikemukakan oleh para Imam Muktabar mengenai pandangan mereka mengenai keharusan menjual aset wakaf berasaskan rujukan kitab2 klasik. Prinsip-prinsip asas kepada mencairkan asset wakaf adalah apabila wujud masalah yang menyebabkan aset tersebut tidak lagi boleh dimanfaatkan. Dalam kitab-kitab klasik, perbincangan mengenai keputusan menjual aset wakaf adalah apabila timbul isu aset wakaf tidak lagi berfungsi seperti tujuan asal wakaf Contoh: Masjid tidak berfungsi

sebagai tempat solat al-Mughniyah (2004 :Ibnu Qudamah, 1997 ; Muhammad Abu Zahrah, 1971). Kesemua Ulamak bersepakat bahawa apabila aset-aset wakaf yang tidak melibatkan masjid, keharusan menjual aset tersebut tidak menjadi masalah yang besar. Hujah dan alasan yang membenarkan penjualan aset wakaf akan dianalisis mengikut urutan daripada yang membolehkan hingga tidak membenarkan penjualannya. Analisis hujah dan alasan keharusan adalah seperti di dalam jadual 2 berikut;

Jadual 2 : Hujah dan alasan yang membenarkan menjual aset wakaf

Mazhab	Pandangan keharusan / tidak boleh jual aset wakaf	Alasan
Imam Hambali	Boleh jual aset wakaf masjid, apatah lagi aset wakaf bukan masjid	Boleh jual dengan adanya sebab atau alasan untuk menjual.
Imam Maliki	Wakaf (aset bukan masjid) boleh dijual dalam 3 keadaan.	<p><i>Pertama</i>; pewakaf mensyaratkan agar barang yang diwakafkannya itu dijual, sehingga pensyarat yang dia tetapkan harus diikuti.</p> <p><i>Kedua</i>; barang yang diwakafkan termasuk jenis harta alih dan tidak lagi memenuhi maksud pewakafannya.</p> <p>Harga penjualannya boleh digunakan untuk barang yang sejenis atau yang sepadan dengannya.</p> <p><i>Ketiga</i>; harta tidak alih boleh dijual untuk keperluan perluasan masjid, jalan dan kuburan. Selain daripada itu tidak boleh dijual walaupun sehingga barang tersebut rosak dan tidak berfungsi.</p>
Imam Hanafi	<p>Boleh jual aset bukan masjid berasaskan hukum Istihsan.. Keputusan hukum Istihsan dan keharusan penjualan aset wakaf perlu diputuskan oleh Qadi.</p> <p>Boleh mengantikan semua bentuk barang wakaf samada umum atau khusus kecuali masjid. Dengan beberapa syarat.</p> <p>Aset wakaf tidak berfungsi seperti tujuan asal wakaf.</p>	<p><i>Pertama</i> : pewakaf menyatakan hal itu ketika melangsungkan pewakafan.</p> <p><i>Kedua</i>: barang wakaf sudah berubah menjadi barang tidak berguna</p> <p><i>Ketiga</i> : apabila barang pengantinya adalah barang yg lebih berharga, bermanfaat, menguntungkan dan tidak terdapat prasyarat.</p>

Imamiyah	<p>Boleh dijual berdasarkan sifat kehartaanya.</p> <p>Boleh bagi wakaf khusus dan tidak boleh jual bagi wakaf umum.</p> <p>.</p>	<p>Tertakluk kepada beberapa syarat</p> <p>Pertama : wakaf khusus yang menjadi milik penerimanya cth : wakaf utk keluarga, ulamak, fakir-miskin, keperluan masjid, kubur, madrasah dll.</p>
	<p>Wakaf untuk kegunaan umum tiada pemilik – tidak boleh jual</p>	<p>Kedua, wakaf umum, iaitu wakaf yang dikehendaki oleh wakif untuk dimanfaatkan oleh masyarakat umum. Cth; madrasah, hospital, masjid, kubur, jambatan, mata air, penginapan, tempat istirehat pejalan kaki dll</p>
Imam Syafie	<p>Jual atau ganti barang wakaf dalam apa keadaan sekalipun – tidak boleh.</p> <p>Hanya boleh memanfaatkan barang wakaf oleh penerima wakaf dan bukan untuk dijual. Sekiranya pohon wakaf sudah layu dan tidak boleh berbuah lagi – penerima wakaf boleh menebang dan jadikan kayu bakar – tetapi tidak boleh menjual atau menggantinya.</p>	<p>Dasar wakaf itu sendiri bersifat abadi, dalam keadaan apapun aset wakaf perlu dibiarkan sedemikian rupa. Berdasarkan Hadith Rasulullah SAW.</p> <p>"قال إن شئت حبس أصلها وتصدق بها".</p> <p>Hadith Sahih & Muslim</p>

Sumber : al-Mughniyah.(2004), Ibnu Qudamah (1997) Muhammad Abu Zahrah (1971)

Berdasarkan jadual 2 di atas, Imam Hambali agak terbuka dalam membicarakan keharusan menjual aset wakaf. Beliau berpendapat aset wakaf tidak kira samada aset masjid ataupun bukan masjid, kedua-duanya boleh dijual dengan adanya sebab dan alasan yang boleh disokong untuk menjualkannya. Antara hujah yang diterima adalah aset wakaf sudah tidak lagi berfungsi seperti tujuan asal dan sudah tidak boleh dimanfaatkan oleh orang ramai. Contoh: Masjid tidak berfungsi sebagai tempat solat.

Imam Maliki juga mengharuskan penjualan aset wakaf yang tidak lagi berfungsi seperti mana tujuan asal wakaf tersebut dibangunkan bagi aset-aset bukan masjid sahaja. Keharusan ini tidak tertakluk kepada aset masjid. Keharusan ini juga tertakluk kepada tiga perkara. Pertama, pewakaf mensyaratkan agar barang yang diwakafkannya itu dijual. Kedua, barang yang diwakafkan termasuk jenis harta alih dan tidak lagi memenuhi maksud pewakafannya. Harga penjualannya boleh digunakan untuk barang yang sejenis atau yang sepadan dengannya. Ketiga, harta tidak alih boleh dijual untuk

keperluan perluasan masjid, jalan dan kuburan. Selain daripada itu tidak boleh dijual walaupun sehingga barang tersebut rosak dan tidak berfungsi.

Berdasarkan pendapat Imamiyah pula, aset wakaf boleh dijual berdasarkan sifat kehartaanya. Aset wakaf yang khusus boleh dijual contohnya wakaf untuk keluarga, ulamak, fakir-miskin, keperluan masjid, kubur, madrasah dan lain-lain. Manakala wakaf yang umum iaitu wakaf yang dikehendaki oleh wakif untuk dimanfaatkan oleh masyarakat umum tidak boleh dijual, contohnya, madrasah, hospital, masjid, kubur, jambatan, mata air, penginapan, tempat istirehat pejalan kaki dll.

Imam Syafie agak rigid dalam hal penjualan aset wakaf. Pada asasnya, beliau tidak membenarkan menjual aset wakaf walaupun sudah tidak berfungsi sebagaimana tujuan asal wakaf itu diwujudkan. Menurut beliau, sekiranya tidak berfungsi sebagaimana fungsi asal, aset tersebut boleh diubah kegunaannya dan bukan menjualnya. Dasar wakaf itu sendiri bersifat abadi, dalam keadaan apapun aset wakaf perlu dibiarkan sedemikian rupa berdasarkan Hadith Rasulullah SAW. Walaupun Imam Syafie berpegang kepada hadith Nabi untuk tidak menjual, mewarisi dan memiliki, walaubagaimanapun beliau tidak menghalang penggunaan alternatif sehingga boleh melupuskan aset wakaf tersebut (al-Mughniyah, 2004). Contohnya, sekiranya pohon wakaf sudah layu dan tidak boleh berbuah lagi – penerima wakaf boleh menebang dan jadikan kayu bakar – tetapi tidak boleh menjual atau menggantinya. Kajian seterusnya menganalisis keharusan penjualan aset wakaf berdasarkan perbahasan dan perbincangan yang lebih mendalam menyentuh kes-kes yang terlibat, illah yang diperbincangkan dan impak kepada keperluan Hadith Rasulullah iaitu “Habsul Asal wa Sabbil al-Thamarat” berasaskan Mazhab Hambali. Perbincangan tersebut adalah seperti Jadual 3 berikut;

Jadual 3 : Keharusan Penjualan Aset Wakaf mengikut Mazhab Hambali

Mazhab	Teks dalam buku rujukan	Kes	Illah	Impak “Habsul Asal wa Sabbil al- Thamarat”
Imam Hambali	“Apabila penduduk sekitar masjid itu pindah, sehingga tidak ada lagi yang solat disitu, atau tidak mencukupi warga disitu tidak boleh diperluaskan atau dibangun sebagiannya, kecuali dengan menjual sebagiannya, maka boleh dijual”.	Masjid tidak berfungsi sebagai tempat solat	Masjid gagal digunakan sebagai tempat solat dan tiada pilihan	Jual – masjid yang tidak berfungsi masih boleh memberi tambah nilai dan memberi manfaat
Imam Hambali	-Riwayat Abu Daud. <i>إِذَا كَانَ فِي الْمَسْجِدِ خَشِبَتْنَاهُ لِهَا قِيمَةٌ جَازَ بِيَعْهُمَا وَصَرَفَ ثُمَّنَهُمَا عَلَيْهِ</i>	(Masjid yang tidak berfungsi) Terdapat dua batang kayu yang memiliki	Ada nilai jualan	Jual – ada hasil yang boleh digunakan oleh masjid.

	Jika di dalam masjid itu terdapat dua batang kayu yang memiliki nilai jual, maka keduanya boleh dijual dan hasilnya diberikan kepada masjid tersebut.'	nilai jual.		
	Barang-barang wakaf dalam masjid tidak ada ikatan syarak. Contohnya, kedai di dalam masjid – boleh dijual. Kerana ada beza antara keduanya. Masjid diwakaf untuk tujuan spiritual beribadat, manakala kedai diwakafkan untuk mendapatkan manfaatnya.	Barang dalam masjid	Perbezaan asset wakaf untuk pengibadatan dan manfaat material.	Impak – asset lain yang mengikut asset wakaf – tiada tegahan dalam muamalat
Imam Hambali	-Riwayat Solleh يَحْوِلُ الْمَسْجِدُ وَخَرْفًا مِنَ الْأَصْوَصِ وَإِذَا كَانَ مَوْضِعَهُ قَنْرًا 'masjid itu harus dipindahkan / ditukar, kerana khuatir dari para pencuri.(demikian pula) jika tempat masjid itu menjadi kotor.'		Mengelakkan dicuri dan kotor	Impak – menggelakkan kemudarat yang lebih besar.
Imam Hambali	-Riwayat Abdullah Menasahkan bolehnya menjual pelataran (halaman) masjid .namun diharuskan adanya kesaksian dalam masalah tersebut kepada imam	-harus ada kesaksian oleh imam dalam masalah tersebut	Ada masalah wujud dan ada saksi mengenainya	Boleh jual – dengan syarat Imam sebagai saksi
Al-Qadhi	"Maksudnya boleh dijual jika tempat masjid itu membuat seseorang (gagal) menunaikan solat di sana."	(masjid) Orang ramai tidak boleh solat di masjid itu dan boleh	Masjid gagal digunakan sebagai tempat solat	Impak – memanfaatkan asset wakaf yang tidak lagi berfungsi

		menjualnya.		
Abu bakar	Abu bakar berkata pendapat pertama yang saya pegang (pendapat imam ahmad) kerana para ulama bersepakat boleh menjual kuda yang diwakafkan iaitu kuda yang kuda yang diwakafkan untuk berperang, jika kuda itu sudah tua dan tidak lagi pantas untuk berperang.kuda itu dapat digunakan untuk melakukan hal lain, misalnya memusingkan kincir air atau mengangkut tanah, atau dijadikan sebagai kuda pejantaan, atau dijadikan sebagai kuda pengangkut,. Kuda tersebut tersebut boleh dijual dan hasilnya dibelikan sesuatu yang dapat digunakan untuk berperang.	Kuda	Uzur atau Tua tidak boleh digunakan untuk tujuan asal (berperang)	Impak – harta yang tidak berfungsi mengikut tujuan asal, boleh dijual dan hasilnya disumbangkan kepada tujuan asal supaya hasrat asal berterusan
Ibnu Qudamah	membolehkan penjualan wakaf masjid	Masjid	tidak ada bezanya antara masjid dan selainnya, dan kebolehan penjualan selain masjid jika mengalami kerosakan. kerosakan bertentangan dengan tujuan wakaf, atau berlawanan dengan sifat yang dijadikan oleh pewakaf sebagai objek atau ikatan untuk wakafnya	Impak – kerosakan, tidak memenuhi fungsi asal dan sifat ikatan wakaf akan menghentikan manfaat wakaf. Jual adalah jalan terbaik untuk meneruskan impak wakaf.

Sumber : al-Mughniyah.(2004), Ibnu Qudamah (1997) Muhammad Abu Zahrah (1971)

Berdasarkan jadual 2 di atas, terdapat dua kes wakaf yang sangat signifikan dalam membincangkan keharusan penjualan aset wakaf iaitu kes yang berkaitan dengan masjid dan juga kuda. Masjid dalam kes ini sudah tidak relevan lagi untuk dijadikan tempat solat, manakala kuda wakaf di sini adalah dalam bentuk kuda perang sudah tidak sesuai lagi digunakan sebagai kuda perang kerana keuzuran.

Berdasarkan kedua-dua kes tersebut, terdapat beberapa illah dan prinsip asas yang dikaitkan dengan keharusan Tawriq. Pertama, aset wakaf gagal berfungsi mengikut hasrat wakaf yang asal. Kedua, wujudnya masalah dan ada saksi. Ketiga aset wakaf telah uzur. Keempat, terdapat nilai pada aset yang tidak berfungsi tersebut. Kelima, penjualan perlu dilaksanakan untuk mengelakkan kemudaratan yang lebih besar seperti dicuri atau dikotorkan dan yang keenam, aset wakaf yang tidak dimanfaatkan akan menghilangkan sifat wakafnya.

Analisis seterusnya melihat kepada impak kepada prinsip asas wakaf iaitu impak penjualan aset wakaf dalam memelihara prinsip mengekalkan aset asal dan menyedekahkan hasil wakaf ataupun di sebut sebagai "*Habsul Asal wa Sabbil al-Thamarat*". Pertama, melalui Tawriq, masjid yang tidak berfungsi masih boleh memberi tambah nilai dan memberi manfaat. Kedua, ada hasil yang boleh digunakan oleh masjid dan sumbangan wakaf memberikan impak yang berterusan. Ketiga, Tawriq boleh menggelakkan kemudaratan yang lebih besar. Keempat, boleh jual dengan Tawriq dengan syarat ada Imam sebagai saksi (dalam konteks sekarang boleh juga diletakkan sebagai penasihat syariah). Kelima, harta yang tidak berfungsi mengikut tujuan asal, boleh dijual dan hasilnya disumbangkan kepada tujuan asal supaya hasrat asal berterusan. Keenam, kerosakan akan menyebabkan tidak memenuhi fungsi asal dan sifat ikatan wakaf akan menghentikan manfaat wakaf oleh itu Tawriq adalah jalan terbaik untuk meneruskan impak wakaf.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, al-Tawriq boleh wujud dalam dua keadaan, iaitu yang pertama, menukarkan (menjual) aset kepada tunai dan yang kedua, kecairan tunai dalam bentuk (sekuriti) iaitu instrumen yang menggerakkan pelbagai aset hutang terjamin, dengan menukarnya dari hutang kepada kredit yang dibangunkan, dan kemudian ditawarkan kepada orang awam untuk meminimumkan risiko dan untuk memastikan aliran tunai mudah tunai yang berterusan.

Kesemua Imam Muktabar (kecuali Imam Syafie) bersetuju boleh menjual aset wakaf bukan masjid. Imam Hambali pula berpendapat boleh jual aset wakaf termasuklah aset masjid. Manakala Imam Syafie, walaupun tidak bersetuju menjual aset wakaf, tetapi bersetuju menukarkan fungsi aset wakaf tersebut dalam bentuk yang lain sekiranya aset wakaf tersebut sudah tidak boleh dimanfaatkan. Terdapat beberapa illah dan prinsip asas keharusan Tawriq. Pertama, aset wakaf gagal berfungsi mengikut hasrat wakaf yang asal. Kedua, wujudnya masalah dan ada saksi. Ketiga aset wakaf telah uzur. Keempat, terdapat nilai pada aset yang tidak berfungsi tersebut. Kelima, penjualan perlu dilaksanakan untuk mengelakkan kemudaratan yang lebih besar seperti dicuri atau dikotorkan dan yang keenam, aset wakaf yang tidak dimanfaatkan akan menghilangkan sifat wakafnya.

Tawriq di anggap sangat signifikan untuk dilaksanakan setelah melihat kepada impak asas wakaf iaitu impak penjualan aset wakaf dalam memelihara prinsip mengekalkan aset asal dan menyedekahkan hasil wakaf ataupun di sebut sebagai "Habsul Asal wa Sabbil al-Thamarat". Pertama, melalui Tawriq, masjid yang tidak berfungsi masih boleh memberi tambah nilai dan memberi manfaat. Kedua, ada hasil yang boleh digunakan oleh masjid dan sumbangan wakaf memberikan impak yang berterusan. Ketiga, Tawriq boleh mengelakkan kemudarat yang lebih besar. Keempat, boleh jual dengan Tawriq dengan syarat ada Imam sebagai saksi (dalam konteks sekarang boleh juga dikenali sebagai penasihat syariah). Kelima, harta yang tidak berfungsi mengikut tujuan asal, boleh dijual dan hasilnya disumbangkan kepada tujuan asal supaya hasrat asal berterusan. Keenam, kerosakan akan menyebabkan tidak memenuhi fungsi asal dan sifat ikatan wakaf akan menghentikan manfaat wakaf oleh itu Tawriq adalah jalan terbaik untuk meneruskan impak wakaf.

Oleh itu, kajian ini mengusulkan al-Tawriq digunakan sebagai salah satu solusi kepada pembangunan aset-aset wakaf di Malaysia bertujuan untuk meningkatkan kualiti aset wakaf dengan mewujudkan kecairan tunai sebagai sumber dana baharu kepada perbelanjaan penyelenggaraan ataupun pembangunan. Lebih penting lagi Tawriq adalah solusi yang praktikal apatah lagi sekiranya aset wakaf sudah tidak memenuhi fungsi asal dan ini akan menyebabkan sifat ikatan wakaf akan terhenti kerana berhentinya manfaat wakaf. Ianya penting bagi memastikan aset wakaf menjadi lebih produktif, dapat dimanfaatkan oleh penerima manfaat, dan jariah pahalanya boleh berjalan, berterusan dan memberi impak yang positif kepada pembangunan dan ekonomi umat Islam dan manusia sejagat.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Pusat Wakaf dan Zakat, Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM serta Kementerian Pendidikan Malaysia , kerana kajian ini dibawah pembiayaan Geran Penyelidikan FRGS bertajuk "Kaedah Mencairkan Tanah Wakaf untuk Membiayai Projek Pembangunan Wakaf di Malaysia kod penyelidikan : USIM/FRGS/FEM/055002/50817.

RUJUKAN

Abi Bakar Muhammad bin Abdullah (undated). *Al-Qabasu fi Sharh Muwatta' Ibni Anas*. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Ajil Jasim al-Nasyami (2009). *Al-Tawriq wa al-Taskik wa Tatbiqatihima*. Majma' al-Fiqh al-Dawli : Munadhamah al-Mu'tamar al-Islami (19th Session : Emirate of Sharjah State of United Arab Emirates).

Al-Khassaf, Abu Bakar Ahmad Muhair al-Shaibani (tanpa tarikh). *Al-Ahkam al-Awqaf*. Kaherah : Maktabah al-Thaqafah a-Diniyah.

Camille Paidi (2014). *The history of Sukuk*. <www.slideshare.net/CamillePaldi/the-history-of-sukuk>. Oct 19, 2014.

Fuadah Johari, Mohammad Haji Alias,
Muhammad Ridhwan Ab Aziz, Zurina Kefeli, Nursilah Ahmad, Kalsom Abd Wahab, Fauzi Abu Hussin & Patmawati Ibrahim (2015). "Identifying the potential of continuity in cash Waqf contribution : A descriptive analysis". *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research.. Vol 12 (2)*. Pp : 55-67.

Fuadah Johari, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Muhammad Aunurrochim Mas'ad, Abdullah Mohammed Ahmed and Idris Mukhtar (2017). "The Conceptual Framework of al-Tawriq and a Scholarly Discussion on the Liquidation (*al-Suyulah*) of Waqf Asset". in Abdul Halim et al (Eds). *Contemporary Issues and Development in Islamic Social Finance*. Nilai : USIM PRESS collaboration with Centre for Islamic Philanthropy and Social Finance (CIPSF), UiTM. (2)

Fuadah Johari (2017a) Al-Tawriq for Waqf Assets. YTI Brown Bag series. 12 July 2017. Dean Room. Faculty of Economics and Muamalat, USIM.

Fuadah Johari, Muhammad Ridhwan Ab Aziz, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Muhammad Aunurrochim Mas'ad, Abdullah Mohammed Ahmed (2017b). "Liquidating Waqf Assets And Future Framework of Al-tawriq". In Syadiyah et al (Eds). *e-Proceeding entitled 'The 7th Islamic Economic System Conference 2017 (iECONS 2017)* at Sundus Rotana Hotel Muscat, Sultanate of Oman.

Khairun Najmi Saripudin, (2013). *Isu-Isu Syariah dalam Sukuk Musyarakah di Malaysia : Kajian terhadap Sukuk yang telah diterbitkan dari tahun 2005 hingga 2010*. Unpublished Master Thesis : Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya.

Ibn Qudamah, Abdullah Ibn Ahmad (1997). *Al-mughni*. juz 8. Riyadh: Darul 'Alim Kutub.

Jalil, A. (2008). Waqf Instruments for Construction contract: An analysis of structure. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR)*, 5(1), 14.

J.N. D Anderson (1955). *Islamic Law in Africa*. Routledge.

Malik bin Anas (1991). *Al-Muwatta*. al-Nadwi (ed.). Vol. (3). Damsyik : Dar al-Qalam

Mohd Daud Bakar (2008). *Al-Suyulah : The Islamic Concept of Liquidity..* In *Essential Reading in Islamic Finance*. Mohd Daud Bakar & Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali (Eds.). Kuala Lumpur : CERT Publications Sdn. Bhd.

Mohd Daud Bakar (2017). *Liquidity in Islamic Finance and Human Life*. YTI Brown Bag Session Serries. 12 July 2017. Dean's Meeting Room. Faculty of Economics and Muamalat. USIM.

Mohd Daud Bakar (2017a). Wakaf : Intrumen Keagamaan atau Kewangan?. Ucaputama. Muktamar Iqlimi Ke-5. Anjuran Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI). 19 September 2017. Dewan Kuliah Fakulti Ekonomi dan Muamalat.

Mohd Zain Othman, (1982). *Islamic Law with Special Reference to the Institution of Waqf*. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri .

Mohammad Tahir Sabit (2006). *Innovative Modes of Financing the Development of Waqf Property*. Konvensyen Wakaf Kebangsaan organized by the Department of Awqaf, Zakat and Hajj. Kuala Lumpur.

Mu'jam al-Ma'ani al-Jamik – Mu'jam Arabi Arabi , <<http://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar>> accessed at 22/12/2016

Majallah Majma' al-Fiqh al-Islamiy al-Dawli , 178 (19/4). Mu'tamar al-Islamiy The Organization of the Islamic Conference, held at the 9th session of the tenth Emirate of Sharjah State of United Arab Emirates. 30 April 2009.

Muhammad Abu Zahrah (1971). *Muhadarāt fi al-Waqf*. Kaherah : Dar al-Fikr al-Arabi.

Mughniyah, Muhammad Jawad (2004). *Fiqh Lima Mazhab*. Masykur A.B, Afif Muhammad, Idrus al-Kaff (Terj). Faisal Abudan, Umat Shahab (Penyunting). 'Al-Fiqh 'ala al-Madzahib al-Khamsah'. Cet. 12. (Edisi Lengkap) Jakarta : Lentera.

Randi Deguilhem-Schoem (undated). The loan of Mursad on Waqf Properties. In *A Way Prepared : Essays on Islamic Culture in Honor of Richars Bayly Winder*. Farhad KAzemi & R.D. McChesney (Eds.). New York : University Press.

Razali Othman (2015). *Institusi Wakaf Sejarah dan Amalan Masa Kini*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

R.D. McChesney (1991). *Waqf in Central Asia : Four Hundred Years in the History of Muslim Shrine : 1480-1889*. Princeton Legacy Library.

Ron Shahem, (2006). Law, Custom and Statue in the Muslim World : Studies in Honor of Aharon Layish. Leiden : Brill.

Wahbah al-Zuhaili (1996). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Md Akhir Haji Yaacob et. al (Terj.) 'al-Fiqh al-Islami wa-Addillatuhu'. Cet. 5. Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.